



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepe.com



STRATEGI PENDEKATAN NYANYIAN DALAM PEMBINAAN
KEMAHIRAN SOSIAL KANAK-KANAK:
TINJAUAN LITERATUR

*SINGING STRATEGIES IN DEVELOPING SOCIAL SKILLS AMONG YOUNG
CHILDREN: A LITERATURE REVIEW*

Ramizah Sakumoning^{1*}, Abdul Halim Masnan²

¹ Department of National Child Development Research Centre, Sultan Idris Education University, Malaysia
Email: ramizah@moe.gov.my

² Department of Human Development, Sultan Idris Education University, Malaysia
Email: abdul.halim@fpm.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 05.01.2025

Revised date: 18.01.2025

Accepted date: 12.03.2025

Published date: 17.03.2025

To cite this document:

Sakumoning, R., & Masnan, A. H. (2025). Strategi Pendekatan Nyanyian Dalam Pembinaan Kemahiran Sosial Kanak-Kanak: Tinjauan Literatur. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10 (57), 675-686.

DOI: 10.35631/IJEPC.1057043

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tinjauan literatur berkaitan strategi pendekatan nyanyian dalam membina kemahiran sosial kanak-kanak. Pendekatan strategi nyanyian telah dikenal pasti sebagai satu kaedah yang berkesan dalam pendidikan awal kanak -kanak dan seterusnya mempunyai kesan positif terhadap perkembangan emosi, sosial dan kognitif. Pendidikan awal kanak-kanak menetapkan asas untuk pembelajaran sepanjang hayat, tingkah laku dan kesejahteraan umum. Pengalaman kanak-kanak semasa peringkat awal membentuk diri mereka bertindak balas terhadap cabaran harian. Hasil tinjauan literatur kajian terdahulu, kajian ini mengkaji pelbagai kaedah dan strategi nyanyian yang digunakan dalam pendidikan untuk menggalakkan tingkah laku positif seperti kerjasama, disiplin diri, dan empati. Hasilnya menunjukkan bahawa aktiviti nyanyian meningkatkan penguasaan kanak -kanak dalam proses pembelajaran, menggalakkan komunikasi yang lebih baik, dan membantu pengurusan emosi dan tingkah laku. Kajian ini juga menekankan pentingnya unsur -unsur pendekatan nyanyian untuk merancang hubungan yang lebih baik antara kanak -kanak dan pendidik. Secara keseluruhannya, hasil ringkasan tinjauan literatur ini memberikan gambaran yang jelas tentang bagaimana strategi dan kaedah nyanyian dapat digunakan dengan berkesan dalam membentuk tingkah laku kanak -kanak dan memberikan cadangan untuk menggunakan strategi tersebut dalam amalan awal Pendidikan kanak-kanak.

Kata kunci:

Kemahiran Sosial, Pendekatan Nyanyian, Pendidik, Pengajaran, Strategi.

Abstract:

This study aims to review the literature review related to the singing approach strategy in building children's social skills. The singing strategy approach has been identified as an effective method in early childhood education and subsequently has a positive impact on emotional, social and cognitive development. Early childhood education sets the foundation for lifelong learning, behavior and general well-being. Children's experiences during the early stages shape themselves to respond to daily challenges. As a result of the literature review of previous studies, this study examines various singing methods and strategies used in education to promote positive behaviors such as cooperation, self-discipline, and empathy. The results show that singing activities increase children's mastery in the learning process, promote better communication, and help manage emotions and behavior. This study also emphasizes the importance of the elements of the singing approach to planning better relationships between children and educators. Overall, the summary results of this literature review provide a clear picture of how singing strategies and methods can be used effectively in shaping children's behavior and provide recommendations for using these strategies in early childhood education practices.

Keywords:

Educators, Singing Approach, Social Skills, Strategy, Teaching.

Pengenalan

Pendidikan awal kanak-kanak merupakan asas dan permulaan pembelajaran sepanjang hayat. Penerapan dan pengajaran kemahiran sosial penting kerana ia memainkan peranan utama dalam usaha memperkembangkan potensi kanak-kanak bersesuaian dengan Falsafah Pendidikan Negara yang bermatlamat menuju sebuah negara yang seimbang dan harmoni. Namun, isu terkini menunjukkan bahawa kekurangan kemahiran sosial dalam diri kanak-kanak boleh menyebabkan tingkah laku yang tidak diinginkan. Salah satu faktor utama ialah pengaruh media sosial yang tidak terkawal. Kanak-kanak yang kurang didedahkan kepada interaksi sosial yang positif mengalami kesukaran berkongsi, bekerjasama, atau memahami emosi orang lain.

Kajian Zailatul Nazirah Zakaria et al. (2025) menyatakan bahawa kemahiran sosial adalah elemen penting dalam perkembangan kanak-kanak. Selain itu, penggunaan gajet yang tidak terkawal boleh menjejaskan perkembangan kemahiran sosial dan menyebabkan masalah tingkah laku dalam kajian Azirah Ibrahim et al. (2023). Kajian mereka menunjukkan adanya hubungan antara penggunaan gajet dan masalah perkembangan sosial kanak-kanak. Hal ini turut dinyatakan oleh Ayu Nadhirah et al. (2023) yang menegaskan bahawa ketagihan media sosial boleh merosakkan akhlak. Tambahan pula, kajian oleh Aziz dan Makhsin (2021) menyatakan bahawa kanak-kanak yang menggunakan internet secara berlebihan mempunyai masalah kemahiran sosial atau tingkah laku.

Selain dari itu sewajarnya pendidik memberi keperluan untuk memberi perhatian khusus dalam meningkatkan kemahiran sosial kanak-kanak (Abdul et al., 2022). Kajiannya terkini mengenai masalah kemahiran sosial dalam kalangan kanak-kanak yang melibatkan 120 orang guru tadika di sekitar negeri Selangor dan menggunakan instrumen soal selidik untuk menilai tahap kemahiran sosial kanak-kanak berdasarkan pandangan guru. Dapatan menunjukkan bahawa aspek interaksi sosial berada pada tahap rendah, manakala aspek komunikasi, kerjasama dalam pasukan, dan kemahiran mendengar berada pada tahap sederhana.

Peranan pendidikan awal kanak-kanak penting dalam membentuk asas keperibadian, kemahiran sosial, dan tingkah laku yang memberi kesan dalam kehidupan kanak-kanak. Menurut Al-Ghazali (2001), pendidikan awal kanak-kanak sangat sesuai untuk melahirkan individu yang mempunyai akhlak mulia dan berkemahiran tinggi. Pelbagai pendekatan dan strategi boleh digunakan bagi meningkatkan pembelajaran dan perkembangan tingkah laku positif dalam kalangan kanak-kanak. Namun, Zurina et al. (2021) mendapati bahawa terdapat guru yang tidak mengetahui pedagogi yang sesuai untuk digunakan dalam bilik darjah yang mempunyai murid yang pelbagai. Chuah Siw Mei dan Al Amin Mydin (2022) pula menyatakan bahawa pendidik atau guru mempunyai tanggungjawab untuk mencorak dan membentuk kanak-kanak melalui pengajaran yang kreatif dan tidak terikat kepada satu kaedah sahaja.

Salah satu pendekatan yang paling penting ialah pendekatan nyanyian dalam pembinaan kemahiran sosial kanak-kanak. Kajian oleh Safiek Mokhlis (2019) meneroka amalan kreativiti pengajaran di tadika Islam dan mendapati bahawa kreativiti pengajaran guru memberi kesan terhadap kanak-kanak sewaktu proses pembelajaran berlangsung.

Sorotan Literatur

Strategi Pembinaan Kemahiran Sosial Dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak

Kemahiran sosial merupakan elemen penting dalam perkembangan kanak-kanak yang membantu mereka untuk berinteraksi dengan orang lain, memahami emosi, dan membentuk hubungan sosial yang positif. Pendidikan awal memainkan peranan utama dalam membina asas kemahiran sosial yang kukuh bagi memastikan perkembangan emosi dan tingkah laku kanak-kanak berjalan dengan baik. Menurut kajian Zailatul Nazirah Zakaria et al. (2025), kemahiran sosial membolehkan kanak-kanak belajar berkomunikasi, berkongsi, bekerjasama, dan menyelesaikan konflik secara harmoni. Selain itu, kajian Aziz dan Makhsin (2021) menunjukkan bahawa kanak-kanak yang mempunyai kemahiran sosial yang baik lebih mudah menyesuaikan diri dalam persekitaran sekolah dan kehidupan sosial mereka.

Pembinaan kemahiran sosial kanak-kanak adalah aspek utama yang diterapkan dalam pendidikan awal kanak-kanak. Pelbagai pendekatan pembelajaran dan pengajaran digunakan, termasuk nyanyian dan bercerita kepada kanak-kanak (Naughton & Williams, 2009). Strategi dan kaedah pengajaran secara kreatif dalam pendidikan adalah salah satu elemen pembelajaran yang menggalakkan perkembangan awal kanak-kanak (Jawas, Hafizhah Zulkifli, & Shuhaila, 2022). Selain itu, kajian oleh Hidayat dan Sari (2023) menyatakan pentingnya amalan menggunakan unsur-unsur kreativiti dalam pembelajaran abad ke-21. Strategi mengintegrasikan konsep pedagogi kreativiti dalam kelas boleh membentuk keperibadian nilai murni pelajar.

Selain itu, penyelidikan oleh Ahmad dan Zainal (2025) mengkaji peranan teori pembelajaran sosial dalam membentuk tingkah laku kanak-kanak. Kajian mereka mendapati bahawa kanak-kanak lebih cenderung meniru kemahiran atau tingkah laku yang mereka lihat, terutama tingkah laku dari rakan dan pendidik. Dapatan kajian ini menyokong pembelajaran melalui model di dalam kelas yang mempengaruhi tingkah laku positif kanak-kanak. Salah satu strategi yang terbukti berkesan ialah penggunaan boneka sebagai alat pedagogi dalam pembelajaran. Kajian oleh Loy Chee Luen (2017) mendapati bahawa guru prasekolah mempunyai persepsi yang positif terhadap penggunaan boneka dalam membantu perkembangan sosial dan emosi kanak-kanak. Boneka bukan sahaja menarik perhatian kanak-kanak, tetapi juga membantu mereka memahami konsep sosial seperti perkongsian, giliran, dan empati melalui interaksi dalam aktiviti permainan peranan.

Selain itu, kajian oleh Mohamad Albaree Abdul dan rakan-rakan (2022) meneliti pandangan guru tadika terhadap aspek kemahiran sosial dalam kalangan kanak-kanak. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru berpendapat kemahiran sosial perlu diterapkan secara sistematik dalam kurikulum prasekolah untuk memastikan kanak-kanak dapat mengembangkan keupayaan mereka berkomunikasi dengan baik, memahami peraturan sosial, dan membentuk hubungan yang positif dengan rakan sebaya serta orang dewasa di sekeliling mereka.

Seterusnya, kajian mengenai perkembangan kemahiran sosial melalui aktiviti bermain turut mendapat perhatian penyelidik. Berdasarkan kajian kes yang dijalankan dalam sebuah prasekolah, didapati bahawa bermain merupakan medium utama bagi kanak-kanak untuk belajar kemahiran sosial secara semula jadi. Melalui permainan berkumpulan, kanak-kanak belajar untuk bekerjasama, menyelesaikan konflik, dan memahami perasaan rakan mereka. Kajian ini menyokong pandangan bahawa pembelajaran melalui bermain harus diberi penekanan dalam pendidikan awal kanak-kanak. Tambahan pula, strategi pembelajaran berasaskan projek juga telah dibuktikan dapat membantu meningkatkan kemahiran sosial kanak-kanak. Menurut kajian oleh Vygotsky (1978) dalam teori perkembangan sosialnya, interaksi dengan rakan sebaya dan orang dewasa dapat mempercepatkan perkembangan kemahiran sosial kanak-kanak. Pembelajaran berasaskan projek memberi peluang kepada kanak-kanak untuk bekerja dalam kumpulan kecil, bertukar idea, dan menyelesaikan masalah bersama, sekali gus membina keyakinan diri dan kemahiran komunikasi mereka.

Menurut satu kajian oleh Ngarmpasiri (2019), didapati bahawa penggunaan kaedah pengajaran amalan murni dalam pendidikan prasekolah dapat meningkatkan tingkah laku sosial yang baik di kalangan kanak-kanak. Kaedah seperti pujian dan ganjaran membuatkan kanak-kanak belajar mengulangi tingkah laku yang diinginkan. Kajian ini juga menyarankan penggunaan aktiviti yang melibatkan kumpulan seperti nyanyian dan permainan berstruktur untuk mengasah kemahiran sosial dan kerjasama. Zakaria dan Mohamad (2023) dalam kajiannya menyatakan bahawa pendekatan pengajaran positif seperti ganjaran atau pujian lisan dapat memotivasi kanak-kanak untuk mengekalkan tingkah laku yang baik dan mengelakkan tingkah laku negatif.

Strategi Pembinaan Kemahiran Sosial Melalui Nyanyian

Terdapat beberapa strategi bagi pembinaan kemahiran sosial melalui nyanyian menurut kajian lepas antaranya, Tan dan Ibrahim (2021) membincangkan peranan lagu dalam pendidikan prasekolah khususnya bagaimana lagu dapat mempengaruhi tingkah laku sosial dan emosi kanak-kanak. Hasil kajian mereka menunjukkan bahawa kanak-kanak yang mengambil

bahagian dalam aktiviti nyanyian menunjukkan peningkatan dalam aspek kerjasama, pengurusan diri, dan kawalan emosi. Kajian ini juga mendapati bahawa aktiviti nyanyian membantu kanak-kanak mempelajari peraturan sosial, mengawal emosi mereka, dan berinteraksi secara positif dengan rakan sebaya.

Seterusnya, kajian oleh Rahman dan Lee (2020) menganalisis kesan kaedah pembelajaran sosial terhadap peningkatan kemahiran sosial kanak-kanak pada peringkat awal pendidikan. Mereka mendapati bahawa teknik seperti main peranan dan nyanyian lagu dapat meningkatkan interaksi sosial serta membantu menguruskan konflik antara kanak-kanak. Kajian ini menunjukkan bahawa strategi pengajaran melalui nyanyian mampu membentuk beberapa tingkah laku murni dalam kalangan kanak-kanak.

Selain itu, penyelidikan oleh Ahmad dan Aziz (2019) menunjukkan bahawa muzik dan nyanyian mempunyai kesan yang signifikan terhadap perkembangan tingkah laku sosial kanak-kanak. Kajian ini mendedahkan bahawa kanak-kanak yang mengambil bahagian dalam kumpulan nyanyian lebih cenderung untuk memberi kerjasama serta mempunyai empati terhadap rakan-rakan mereka. Keputusan ini membuktikan bahawa nyanyian merupakan alat yang berkesan untuk menggalakkan komunikasi positif dan mengukuhkan hubungan sosial mereka.

Hasil kajian oleh Mohamad Albaree et al. (2019) mendapati bahawa terdapat hubungan yang ketara antara pendekatan nyanyian dengan pengurusan emosi kanak-kanak. Kajian ini menunjukkan bahawa aktiviti nyanyian yang dilakukan secara berulang dapat membantu kanak-kanak belajar mengawal emosi serta mengurangkan tingkah laku impulsif. Hal ini membuktikan bahawa nyanyian boleh digunakan sebagai alat untuk membentuk tingkah laku yang lebih tenang dan teratur dalam kalangan kanak-kanak yang menunjukkan tingkah laku negatif atau sukar dikawal.

Liao dan Davidson (2016) pula membincangkan hubungan antara nyanyian dan latihan tingkah laku kanak-kanak dari perspektif psikologi. Kajian ini menunjukkan bahawa kanak-kanak yang sering terlibat dalam aktiviti nyanyian menunjukkan peningkatan dalam tingkah laku sosial yang positif dan pengurusan diri. Walaupun kajian ini menekankan aspek ketepatan muzik, penggunaan gerak isyarat, dan pergerakan berstruktur, ia turut menunjukkan bahawa nyanyian membantu kanak-kanak mematuhi peraturan sendiri.

Seterusnya, kajian oleh Janius et al. (2023) menekankan bahawa muzik dan nyanyian memberi kesan yang signifikan terhadap perkembangan bahasa, matematik, serta tingkah laku sosial kanak-kanak. Kajian ini mendapati bahawa kanak-kanak yang terlibat dalam nyanyian menunjukkan perkembangan kognitif dan literasi yang lebih baik. Penemuan ini membuktikan bahawa nyanyian merupakan alat yang berkesan untuk menggalakkan komunikasi positif dalam kalangan kanak-kanak serta memperkukuh hubungan mereka dengan rakan sebaya.

Hasil kajian Abdul et al. (2019) pula mengkaji kesan nyanyian terhadap pengurusan emosi kanak-kanak prasekolah. Kajian ini menunjukkan bahawa aktiviti nyanyian yang dilakukan secara berulang-ulang dapat membantu kanak-kanak belajar cara untuk mengawal perasaan mereka serta mengurangkan perilaku impulsif. Kajian ini menyarankan bahawa nyanyian boleh digunakan sebagai alat untuk membentuk tingkah laku yang lebih tenang dan teratur dalam kalangan kanak-kanak yang menunjukkan kecenderungan berkelakuan negatif atau emosional.

Dalam tinjauan literatur seterusnya, kajian oleh Burak dan Bas (2022) membincangkan hubungan antara nyanyian dan pembentukan tingkah laku kanak-kanak dari perspektif psikologi pendidikan. Kajian ini mendapati bahawa kanak-kanak yang terlibat dalam aktiviti nyanyian menunjukkan peningkatan dalam tingkah laku sosial yang positif serta pengurusan diri. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa nyanyian bukan sahaja meningkatkan kemahiran bahasa dan komunikasi, tetapi juga mempunyai kesan yang baik terhadap tingkah laku kanak-kanak dalam konteks sosial.

Menurut kajian oleh Barrett et al. (2018), lagu mempunyai kesan yang kuat dalam mengurangkan masalah tingkah laku negatif, memperbaiki kawalan diri, serta membantu kanak-kanak mempelajari peraturan sosial. Kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan lagu dalam persekitaran pendidikan dapat membawa kelebihan yang bermakna dalam membentuk kemahiran sosial positif kanak-kanak.

Muzik dan nyanyian sentiasa dianggap penting sebagai sebahagian daripada pengalaman harian kanak-kanak di taska. Williams dan Berthelsen (2019) menegaskan bahawa nyanyian memainkan peranan utama dalam perkembangan sosial, emosi, dan kognitif kanak-kanak. Ini kerana kanak-kanak suka mendengar dan melibatkan diri dalam aktiviti nyanyian. Malah, terdapat juga kanak-kanak yang menyanyi secara spontan ketika bermain. Oleh itu, pengalaman aktiviti nyanyian yang dirancang dengan baik dapat memupuk perkembangan sahsiah dan tingkah laku mereka (Parlakian & Lerner, 2010).

Teori Pendekatan Nyanyian dan Pembinaan Kemahiran Sosial

Berikut merupakan teori pendekatan nyanyian dalam pembinaan kemahiran sosial kanak-kanak. Nyanyian adalah cara untuk memberi ganjaran dan merealisasikan kemahiran sosial positif, seperti kerjasama dan pengurusan emosi yang baik. Sebagai tambahan kepada teori pembelajaran Albert Bandura (teori sosial kognitif), terdapat beberapa teori lain yang berkaitan dalam pendekatan nyanyian dan kemahiran sosial. Berikut adalah beberapa teori yang dapat membantu dalam kajian ini.

Teori Pembelajaran Sosial - Albert Bandura

Teori pembelajaran sosial menekankan bahawa kanak-kanak belajar dari pemerhatian dan peniruan. Dalam konteks lagu dan nyanyian kanak-kanak memerhatikan membina kemahiran sosial yang ditunjukkan oleh guru atau rakan sebaya dalam aktiviti nyanyian dan cenderung meniru tingkah laku, terutamanya apabila diikuti oleh penyatuan positif. Pendekatan nyanyian ini akan memberi peluang kepada kanak-kanak untuk memerhatikan dan meniru tingkah laku yang diinginkan, seperti kerjasama, disiplin dan pengurusan emosi dan ini akan membina kemahiran sosial.

Teori Pengukuhan Positif - B.F. Skinner

Teori ini menekankan bahawa kemahiran sosial manusia dipengaruhi oleh hasil yang berpunca daripada peneguhan positif dan rangsangan yang boleh menambahkan kebarangkalian berulangnya sesuatu tingkahlaku. Peneguhan ini berfungsi sebagai ganjaran yang menggalakkan individu mengulangi tingkahlaku tertentu (Yusof, Mohd Yasin, dan Tahar, 2016). Skinner berpendapat bahawa peningkatan positif ganjaran atau peningkatan negatif mengurangkan penalti lebih cenderung diulang.

Teori Kognitif - Jean Piaget

Teori Kognitif yang dipelopori Piaget menyatakan bahawa pendekatan kognitif menekankan pada proses mental dalaman. Maklumat yang diterima diproses melalui pemilihan, perbandingan dan penyatuan dengan maklumat lain yang sedia ada dalam ingatan. Penyatuan maklumat ini kemudian akan diubah dan disusun semula. Hasil pemikiran bergantung pada proses mental dalaman kanak-kanak. Hal ini, berkait rapat dengan latihan memupuk kemahiran sosial. Sebagai manusia yang telah dikurniakan otak untuk berfikir, kita seharusnya dapat bertindak balas dengan sewajarnya apabila menerima sesuatu maklumat dan bersedia untuk berubah sikap jika dapati bahawa idea sebelum ini adalah salah atau negatif.

Teori Pengaruh Sosial - Robert Cialini

Teori ini memberi tumpuan kepada bagaimana individu dipengaruhi oleh orang lain dalam membentuk kemahiran sosial mereka. Cialini mengenal pasti beberapa prinsip pengaruh sosial, seperti pematuhan, perjanjian sosial dan piawaian sosial. Dalam konteks nyanyian, seseorang boleh untuk menyanyi atau mengubah gaya nyanyian mengikut pengaruh sosial persekitaran, seperti kumpulan muzik atau peminat media sosial.

Teori Pembinaan - Lev Vygotsky

Teori Vygotsky memberi tumpuan kepada kepentingan interaksi sosial dalam proses pembelajaran. Zona Perkembangan Proksimal (ZPD) adalah konsep utama dalam teori pembelajaran Lev Vygotsky. Ia merujuk kepada jurang antara seorang kanak-kanak yang boleh lakukan sendiri dengan bantuan orang dewasa atau rakan sebaya yang lebih berpengetahuan. Konteks pendidikan awal, ZPD membantu pendidik dan ibu bapa mengenal tahap perkembangan kanak-kanak dan memberikan sokongan yang sesuai (scaffolding) untuk membantu mereka ke tahap yang lebih baik. Pembentukan kemahiran sosial kanak-kanak melalui Zona Perkembangan Proksimal boleh dibentuk dengan menerapkan konsep berikut: Bimbingan Berperingkat: Pendidik atau ibu bapa memberikan tauladan dan bimbingan dalam situasi harian, contohnya, menunjukkan cara berkongsi mainan dengan rakan.

Interaksi Sosial: Kanak-kanak belajar nilai melalui interaksi dengan rakan sebaya dan orang dewasa yang lebih dewasa.

Model Peranan: Pendidik, ibu bapa dan rakan sebaya memainkan peranan sebagai model dalam mempraktikkan kemahiran sosial yang positif.

Perbincangan: Memberi peluang kepada kanak-kanak untuk berbincang tentang perbuatan mereka dan bagaimana ia mempengaruhi orang lain.

Seterusnya, dengan menerapkan ZPD, pendidik dapat membantu kanak-kanak membangunkan kemahiran sosial secara beransur-ansur dalam persekitaran yang menyokong dan interaktif. Hal ini menjadikan pembelajaran nilai lebih berkesan kerana ia diperolehi melalui pengalaman dan interaksi sosial, sejajar dengan teori Vygotsky.

Teori Perkembangan Moral – Kohlberg

Lawrence Kohlberg membangunkan Teori Perkembangan Moral, yang menerangkan bagaimana individu berkembang dalam membuat keputusan moral dari peringkat kanak-kanak hingga dewasa. Bagi kanak-kanak yang masih kecil, mereka biasanya berada dalam peringkat pra-konvensional, di mana tingkah laku mereka dipengaruhi oleh ganjaran, hukuman, dan

hubungan dengan orang dewasa. Teori Kohlberg menunjukkan bahawa perkembangan moral terjadi secara berperingkat. Melalui nyanyian, kanak-kanak dapat belajar nilai-nilai moral dengan lebih mudah kerana ia menarik, berulang, dan menyenangkan (Sloboda, 2005). Lagu-lagu yang mempunyai tema nilai murni dapat membentuk tingkah laku positif sejak usia awal. Teori-teori yang dikaji memberikan pandangan yang berbeza tentang penerapan tingkah laku murni melalui kedah nyanyian yang boleh dilatih dan dipengaruhi.

Konsep Utama Pendekatan Nyanyian dan Pembentukan Tingkah Laku

Pengukuhan Positif dalam Nyanyian

Konsep pengukuhan positif menerangkan bahawa kanak-kanak yang terlibat dalam aktiviti nyanyian yang memberikan ganjaran seperti pujian atau ganjaran material akan lebih cenderung untuk mengulangi tingkah laku positif mereka.

Kemahiran Sosial dan Kerjasama

Nyanyian dalam kumpulan memerlukan kerjasama antara kanak-kanak, yang dapat membantu mereka belajar tentang pentingnya berbagi, mendengar, dan berinteraksi secara positif dengan orang lain. Melalui nyanyian beramai-ramai, kanak-kanak dapat membentuk hubungan sosial yang lebih baik dan mengelakkan tingkah laku yang menyendiri atau agresif.

Regulasi Emosi melalui Nyanyian

Aktiviti nyanyian memberi peluang kepada kanak-kanak untuk mengekspresikan diri mereka secara kreatif dan mengawal perasaan mereka melalui muzik dan suara. Ini membantu mereka belajar mengendalikan tekanan, marah, atau kegembiraan dengan cara yang konstruktif. Pembelajaran regulasi emosi melalui nyanyian adalah penting dalam membentuk kemahiran sosial yang lebih tenang dan stabil.

Kajian Tentang Kesan Jangka Panjang Nyanyian terhadap Tingkah Laku Kanak-Kanak

Banyak kajian menumpukan pada kesan jangka pendek aktiviti nyanyian, tetapi kajian tentang kesan jangka panjangnya terhadap kemahiran sosial kanak-kanak masih terhad.

Perbezaan Kesan Berdasarkan Umur dan Latar Belakang Sosial

Kebanyakan kajian tidak mengkaji bagaimana faktor umur, latar belakang sosial, dan budaya mempengaruhi kesan nyanyian terhadap pembentukan tingkah laku kanak-kanak.

Kekurangan Modul Praktikal bagi Pendidik

Walaupun kajian banyak membincangkan manfaat nyanyian, terdapat kekurangan panduan praktikal untuk pendidik dalam menggunakan nyanyian sebagai alat untuk membentuk tingkah laku yang positif di dalam kelas (Welch et al., 2014). Menyanyi, sebagai aktiviti yang berkaitan dengan pengulangan dan interaksi sosial, memberi peluang kepada anak-anak untuk mengembangkan kemahiran dan tingkah laku kawalan emosi mereka. Melalui pendekatan nyanyian, mereka belajar untuk menguruskan emosi mereka dan bertindak lebih positif.

Kesimpulan

Pendekatan nyanyian dalam pembentukan tingkah laku kanak-kanak memberi manfaat yang signifikan dalam meningkatkan kemahiran sosial, pengurusan emosi, dan kerjasama. Kajian literatur terkini menunjukkan bahawa nyanyian dapat menjadi alat yang efektif untuk membentuk kemahiran sosial positif melalui pengukuhan positif dan interaksi sosial.

Walaupun terdapat banyak bukti yang menyokong penggunaan nyanyian dalam pendidikan awal, terdapat jurang pengetahuan yang perlu ditangani, termasuk kajian jangka panjang dan panduan praktikal untuk pendidik. Dengan penyelidikan lanjut, kita dapat mengembangkan pendekatan yang lebih menyeluruh untuk menggunakan nyanyian dalam membentuk kemahiran sosial kanak-kanak. Secara keseluruhan, kajian-kajian ini menunjukkan bahawa pembelajaran kreatif seperti nyanyian bukan sahaja meningkatkan kreativiti kanak-kanak tetapi juga memainkan peranan penting dalam menyampaikan dan memupuk nilai murni dalam diri mereka.

Para pengkaji telah menyumbang secara signifikan kepada teori dan amalan pendidikan berkaitan penggunaan nyanyian dalam pembinaan kemahiran sosial kanak-kanak. Misalnya, kajian oleh Tan dan Ibrahim (2021) memberikan perspektif bahawa nyanyian boleh menjadi alat yang berkesan untuk meningkatkan kerjasama dan kawalan emosi melalui interaksi yang menyenangkan. Kajian ini menyokong teori pembelajaran sosial Bandura yang menekankan kepentingan pemodelan tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak. Seterusnya, Rahman dan Lee (2020) menekankan keberkesanan teknik main peranan yang digabungkan dengan nyanyian dalam membentuk tingkah laku murni. Kajian ini mengukuhkan pemahaman mengenai kaedah pembelajaran konstruktivisme, yang menekankan pengalaman pembelajaran yang aktif dalam kalangan kanak-kanak. Selain itu, Ahmad dan Aziz (2019) membuktikan bahawa muzik dan nyanyian boleh meningkatkan empati serta komunikasi sosial, selaras dengan teori perkembangan emosi Vygotsky yang menekankan pentingnya interaksi sosial dalam pembinaan kemahiran sosial kanak-kanak.

Hasil kajian Mohamad Albaree et al. (2019) turut memberi sumbangan kepada teori pengurusan emosi dalam kalangan kanak-kanak, dengan membuktikan bahawa aktiviti nyanyian yang berulang dapat membantu kanak-kanak mengawal emosi serta mengurangkan tingkah laku impulsif. Kajian ini memberikan pandangan bahawa penggunaan nyanyian sebagai alat kawalan diri dalam pendidikan awal boleh menjadi intervensi yang efektif dalam menangani isu pembinaan kemahiran sosial kanak-kanak. Berdasarkan tinjauan literatur yang dijalankan, dapat disimpulkan bahawa pendekatan nyanyian memainkan peranan yang signifikan dalam pembinaan kemahiran sosial kanak-kanak. Aktiviti nyanyian bukan sahaja meningkatkan aspek kognitif dan emosi kanak-kanak, tetapi juga membantu membentuk pembinaan kemahiran sosial positif seperti kerjasama, disiplin diri, dan pengurusan emosi. Melalui nyanyian, kanak-kanak dapat belajar melalui interaksi sosial yang menyenangkan, sekali gus menggalakkan perkembangan sosial dan komunikasi. Di samping itu, pendekatan nyanyian membolehkan pendidik menerapkan strategi pembelajaran yang kreatif dan berkesan untuk mengatasi cabaran tingkah laku yang sering dihadapi dalam pendidikan awal.

Dari sudut amalan pendidikan, penemuan daripada Barrett et al. (2018) menunjukkan bahawa nyanyian boleh digunakan sebagai alat untuk membimbing tingkah laku kanak-kanak dalam persekitaran pembelajaran yang positif. Williams dan Berthelsen (2019) pula mengesyorkan bahawa aktiviti nyanyian yang terancang boleh membantu kanak-kanak membina pembinaan kemahiran sosial iaitu keyakinan diri dan kemahiran komunikasi.

Justeru, pendekatan nyanyian boleh dianggap sebagai alat yang amat berguna dalam memperkasa pendidikan awal kanak-kanak, yang berpotensi memberi kesan jangka panjang terhadap perkembangan tingkah laku yang positif. Oleh itu, adalah disarankan agar strategi ini diterapkan secara lebih meluas dalam amalan pendidikan, terutama dalam situasi yang

melibatkan pembentukan tingkah laku kanak-kanak yang lebih baik dan harmonis. Dengan penyelidikan berterusan, kita dapat membangunkan pendekatan pedagogi yang lebih efektif bagi memastikan nyanyian terus menjadi elemen utama dalam pembelajaran kanak-kanak.

Penghargaan

Dengan penuh rasa syukur dan rendah hati, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua individu yang telah banyak membantu dan memberikan dorongan sepanjang proses penulisan jurnal ini. Pertama sekali, saya ingin menyampaikan penghargaan yang tidak terhingga kepada Profesor Madya Dr. Abdul Halim Bin Masnan, penyelia saya yang sentiasa membimbing, memberikan tunjuk ajar, serta berkongsi ilmu dan pengalaman berharga dalam memastikan jurnal ini dapat disiapkan dengan baik. Sokongan, kesabaran, dan panduan beliau sepanjang perjalanan akademik ini sangat bermakna buat saya. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan di Pusat Anak Permata Negara yang sentiasa memberikan dorongan serta maklum balas yang konstruktif dalam menambah baik penulisan saya. Sokongan mereka bukan sahaja dalam bentuk perkongsian ilmu dan pengalaman, malah juga dalam memberi motivasi untuk terus maju dalam bidang ini.

Saya juga ingin menzahirkan penghargaan yang mendalam kepada ibu saya, Zauyah Binti Abdullah, yang tidak pernah jemu memberikan kasih sayang, doa, dan dorongan moral sepanjang saya menempuh perjalanan ini. Tanpa keikhlasan dan pengorbanan beliau, saya tidak mungkin mampu mencapai kejayaan ini. Begitu juga dengan seluruh keluarga saya, yang sentiasa memahami komitmen serta memberikan sokongan moral dan motivasi tanpa henti. Seterusnya, kepada Rabiatul Adawiyah, Sobirin, dan Salman, terima kasih kerana menjadi pendorong utama dalam perjalanan ini. Kata-kata semangat, kesabaran, dan kesediaan untuk membantu dalam pelbagai aspek amat saya hargai. Kehadiran kalian telah menjadi sumber inspirasi untuk saya terus berusaha.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Fakulti NCDC, Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-Kanak Negara Universiti Pendidikan Sultan Idris, yang telah menyediakan pelbagai kemudahan serta platform untuk saya menjalankan penyelidikan ini dengan lancar. Kemudahan, sumber rujukan, dan bimbingan yang diberikan telah banyak membantu dalam menghasilkan jurnal ini dengan lebih berkualiti. Akhir sekali, kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam proses penulisan jurnal ini, saya ucapkan terima kasih yang tidak terhingga. Kejayaan ini bukan milik saya seorang, tetapi hasil daripada sokongan dan bantuan semua yang percaya kepada usaha dan impian saya. Semoga jasa baik dan kebaikan kalian mendapat ganjaran yang setimpal, dan semoga saya dapat terus menyumbang ilmu serta manfaat kepada masyarakat pada masa hadapan.

Terima kasih.

Rujukan

- Ab. Jawas, S., & Zulkifli, H. (2022). Amalan pengajaran kreatif guru Pendidikan Islam bagi murid berkeperluan khas masalah pembelajaran. *Qalam International Journal of Islamic and Humanities Research*, 2(1), 20–28.
- Abdul, M. A., Ismail, H., Mohamad, I., & Osman, Z. (2019). Perkembangan emosi kanak-kanak menggunakan kaedah pengajaran berasaskan aktiviti muzik. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 8, 17–23

- Abdul, M. A., Osman, Z., Siraj, S., Mohd Arof, N., & Ismail, H. (2022). Pandangan guru tadika terhadap aspek kemahiran sosial dalam kalangan kanak-kanak: Satu analisis keperluan. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 11(2), 1–12.
- Ahmad, N. A., & Zainal, K. (2025). Kepuasan tertunda dan pengaruh rakan sebaya dalam konteks. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*, 7(2), 45–56.
- Ahmad, N., & Aziz, J. (2019). Penggunaan lagu dalam pengajaran dan pembelajaran di prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak*, 8(1), 45–56.
- Al-Ghazali. (2001). *Pendidikan anak-anak menurut Islam*. Kuala Lumpur, Malaysia: Pustaka Salam.
- Aziz, N., & Makhsin, N. (2021). Hubungan penggunaan internet dan masalah sosial dalam kalangan kanak-kanak. *Jurnal Kajian Pendidikan*, 8(2), 45–58.
- Ayu Nadhirah, M., Rahman, S., & Johan, I. (2023). Pengaruh ketagihan media sosial terhadap perkembangan moral kanak-kanak. *Jurnal Psikologi Kanak-Kanak*, 11(1), 23–39.
- Azirah Ibrahim, Z., Hassan, R., & Latif, S. (2023). Penggunaan gajet dan kesannya terhadap kemahiran sosial kanak-kanak. *Jurnal Sains Sosial dan Pendidikan*, 9(4), 56–72.
- Barrett, M. S., Flynn, L. M., & Welch, G. F. (2018). Music value and participation: An Australian case study of music provision and support in early childhood education. *Research Studies in Music Education*, 40(2), 226–243.
- Burak, S., & Baş, A. (2022). The effect of musical play on the social skill development of primary school children. *International Journal of Contemporary Educational Research*, 9(1), 123–135.
- Chuah, S. M., & Al Amin, M. (2022). Pengaruh amalan penyeliaan terhadap pengajaran kreatif guru. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 30–40.
- Chuah Siw Mei, & Al Amin Mydin. (2022). Kreativiti dalam pedagogi guru tadika: Implikasi terhadap pembelajaran kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak*, 6(2), 30–49.
- Hidayat, W., & Sari, D. P. (2023). Transformasi pendidikan melalui strategi pembelajaran berbasis kecakapan abad 21. *ResearchGate*.
- Janius, N., Mohd Ishar, M. I., Bang, P., Sid, R., & Wong, G. (2023). The effects of music towards the mathematical language development of children. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 8(4), e002249.
- Liao, M.-Y., & Davidson, J. W. (2016). The effects of gesture and movement training on the intonation of children's singing in vocal warm-up sessions. *Music Education Research*, 18(4), 377–399.
- Mac Naughton, G., & Williams, G. (2009). *Teaching young children: Choices in theory and practice* (2nd ed.). Open University Press.
- Mokhlis, S. (2019). Amalan kreativiti pengajaran dalam tadika Islam. *Jurnal Pendidikan Islam*, 7(3), 15–28.
- Mohd Naw, M. Z. (2021). Teras pemikiran Abu Hamid al-Ghazali pemangkin kemenjadian sahsiah insan holistik. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 6(2), 44–57.
- Ngarmpasiri, C. (2019). The impact of moral teaching methods on enhancing positive social behaviors among preschool children. *Journal of Early Childhood Education*, 12(3), 45–60.
- Parlakian, R., & Lerner, C. (2010). Beyond twinkle, twinkle: Using music with infants and toddlers. *Young Children*, 65(2), 14–19.

- Parlakian, R., & Lerner, C. (2010). Singing to babies and toddlers: Music, language, and learning. *Zero to Three*.
- Rahman, S., & Lee, K. (2020). Kesan muzik terhadap perkembangan sosial kanak-kanak prasekolah. *International Journal of Early Childhood Education*, 12(2), 78–89.
- Sloboda, J. A. (2005). *Exploring the musical mind: Cognition, emotion, ability, function*. Oxford University Press.
- Tan, M., & Ibrahim, H. (2021). Integrasi lagu dalam kurikulum prasekolah untuk meningkatkan interaksi sosial. *Jurnal Kajian Pendidikan*, 15(3), 102–115.
- Welch, G. F., Himonides, E., Saunders, J., Papageorgi, I., & Sarazin, M. (2014). Singing and social inclusion. *Frontiers in Psychology*, 5, 803.
- Williams, K. E., & Berthelsen, D. (2019). Implementation of a rhythm and movement intervention to support self-regulation skills of preschool-aged children in disadvantaged communities. *Psychology of Music*, 47(6), 800–820.
- Yusof, R. S., Mohd Yasin, M. H., & Tahar, M. M. (2016). Penggunaan peneguhan positif: Ganjaran videoklip lagu kanak-kanak dalam pengubahsuaian tingkah laku murid sindrom Down. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak*, 5(1), 45–56.
- Zakaria, Z., & Mohamad, M. (2023). Penggunaan teknik ganjaran dan keberkesanannya bagi menarik minat murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 13(2), 315–330.